

PERBADANAN STADIUM MALAYSIA

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang berkaitan dan yang masih dibenarkan menyertai tender pada masa ini seperti berikut:-

Bil	Tajuk	Rujukan	Kelayakan Petender	Harga Dokumen	Tarikh Dan Masa Tender Dibuka, Penjualan Dan Ditutup
1.	Kerja-Kerja Membekal Jentera Dan Mesin Penyelenggaraan Padang Dan Tapak Semaian Untuk Perbadanan Stadium Malaysia	PSM/ UP/T/2026/7	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan 130102 Mesin Dan Kelengkapan Khusus Sijil Akuan Bumiputera (Sekiranya Ada)	RM 50.00	Tarikh Iklan Tender: 20 Julai 2026 (Isnin) Tarikh Penjualan Dokumen: 20 Julai 2026 (Isnin) Tarikh Tender Ditutup: 10 Ogos 2026 (Isnin) Jam 12.00 Tengah Hari

1. Dokumen Meja Tender boleh disemak di **Unit Perolehan, Pejabat Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Aras 1, TM Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City, 57700 Sri Petaling, Kuala Lumpur** pada waktu pejabat bermula **20 Julai 2026 (Isnin)**.
2. Dokumen Tender boleh dibeli pada waktu pejabat bermula pada **20 Julai 2026 (Isnin)** di **Unit Perolehan, Pejabat Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Aras 1, TM Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City, 57700 Sri Petaling, Kuala Lumpur**. Bagi tujuan pengesahan, Sijil Asal dan Salinan hendaklah dibawa semasa pembelian tender.

3. Bagi tujuan pembelian dan penyerahan dokumen tender, hanya satu (1) orang sahaja sama ada pemilik / wakil yang dibenarkan untuk satu (1) tender yang dikeluarkan oleh Perbadanan.
4. Dokumen tender yang berharga **RM 50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja)** hendaklah dibuat pembayarannya dalam bentuk Bank Deraf dari bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atas nama **Perbadanan Stadium Malaysia**. Bayaran tidak akan dikembalikan.
5. Dokumen Tender hendaklah dimasukkan ke dalam satu (1) sampul surat besar yang berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Tender di sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti di **Unit Perolehan, Pejabat Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Aras 1, TM Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City, 57700 Sri Petaling, Kuala Lumpur tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari pada 10 Ogos 2026 (Isnin)**. Tawaran yang lewat dikemukakan dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
6. Perbadanan juga tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.
7. Perbadanan berhak menimbang tiap-tiap satu butiran sebagai satu tawaran yang berasingan atau bersekali.
8. Petender hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini.
9. Petender yang memerlukan penjelasan lanjut hendaklah menghubungi pegawai berikut:-

Spesifikasi

1. Puan Izatul Aishah binti Kamaruzzaman 03-8992 0888
(izatulaishah@stadium.gov.my)

Dokumentasi

1. Cik Kareen Armada Jerukan 03-8992 08550
(kareen@stadium.gov.my)